


bil. 1 / 2013 • ISSN : 2289-2877


PERCUMA

PEMBANGUNAN HARTANAH **WAKAF**




ms 8 MAJLIS PELANCARAN
BULAN WAKAF
BERSAMA WANITA

ms 10 WAKAF EMAS :
ALTERNATIF BERWAKAF TERBARU



“WAKAF MEMBANGUN UMMAH”



SIDANG EDITOR

PENAUNG:

Y.A.D. Dato' Setia Ramli Bin Mahmud

PENASIHAT:

Tuan Abu Bakar Bin Yang

KETUA EDITOR:

Mohd Nasoha Bin Jaiman

EDITOR:

Anuar Hamzah Bin Tohar
Hamidon Bin Mohamed Yussop
Nor Azlina Binti Masuti
Anuar Bin Shahuddin
Ibnu Hubain Bin Abdul Aziz
Raqeeah Binti Mohamed
Mohd Syafie Bin Othman
Mohd Huzairi Bin Hamdan
Syazwarina Binti Mohd Razali
Muhammad Zulhakimi Bin Mohammad Daner
Mohd Faiz Reza Bin Mohd Zakri
Mohd Khairi Ambri Bin Roslan
Mohd Rusli Bin Alias
Norizam Bin Buang

kandungan

- 03 PRAKATA KETUA EDITOR SEKAPUR SIREH**
- 04 PRESTASI MEMBERANGSANGKAN KUTIPAN SAHAM WAKAF SELANGOR TAHUN 2011 HINGGA 2012**
- 07 KEMBARA MIMBAR WAKAF**
- 08 MAJLIS PELANCARAN BULAN WAKAF BERSAMA WANITA**
- 10 WAKAF EMAS : ALTERNATIF BERWAKAF TERBARU**
- 11 MATEMATIK WAKAF**
- 12 PEMBANGUNAN TANAH WAKAF**
- 15 PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN PROJEK WAKAF KHAS**
- 18 SOAL JAWAB IBADAH WAKAF**
- 19 AKTIVITI PEMASARAN DAERAH**
- 20 CARA MENYERTAI SAHAM WAKAF SELANGOR**
- 21 IKLAN PREMIS/TANAH KOSONG 2013**
- 22 GALERI PWS**



Prakata KETUA EDITOR

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjangkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya **"Buletin PWS MAIS Bil. 1/2013"** dapat diterbitkan dengan maklumat yang lebih padat.

Pada keluaran edisi kali ini, kami akan mengupas dengan lebih lanjut mengenai produk wakaf yang dipromosikan oleh PWS selaras dengan fungsi dan matlamat penubuhan PWS iaitu untuk menggalak, mendorong, membantu, mengusaha dan memajukan harta serta produk wakaf. Hakikatnya, istilah wakaf telah lama subur dalam jiwa orang Islam namun kesedaran dan pengetahuan konsep wakaf ini masih kurang dihayati. Ini dibuktikan dengan sumbangan Saham Wakaf Selangor yang kian meningkat semenjak diperkenalkan. Semoga dengan terbitan kali ini dapat membantu umat Islam khususnya di Selangor untuk lebih memahami konsep wakaf.

Bahwasanya Allah menjanjikan ganjaran yang hebat bagi orang-orang yang menginfaqkan harta di jalan-Nya. Semoga Allah membalaik kebaikan orang-orang yang berwakaf dan membuka seluas-luasnya hati orang-orang untuk berwakaf dan Allah sahajalah yang akan menunjukkan jalan-Nya.

"Wakaf Membangun Ummah"

Mohd Nasoha Bin Jaiman
Ketua Editor
Buletin PWS MAIS



Sekapun Sireh

Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Segala puji bagi Allah SWT yang menciptakan alam ini dengan segala nikmat, dan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat-Nya juga kerana dengan hidayah dan izin-Nya, penerbitan **"Buletin PWS MAIS Bil. 1/2013"** dapat dilaksanakan dengan jayanya. Tujuannya adalah untuk memberikan penerangan dan maklumat terkini berkenaan dengan wakaf kepada umat Islam.

Setelah dua tahun ditubuhkan, PWS dengan sedaya upaya mengangkat martabat wakaf di Selangor tanpa mengenal erti letih dan lesu. Dengan rahmat Allah SWT, PWS telah memperkenalkan beberapa produk yang mampu membantu umat Islam untuk berwakaf. Di samping itu juga, PWS telah melaksanakan beberapa projek Wakaf Khas di Selangor yang menjadi mercu tanda kehebatan wakaf dan dapat memberikan manfaat kepada umat Islam.

Justeru, dengan penghasilan buletin ini diharap mampu meningkatkan kesedaran dan menghindari sifat tamak dan kedekut dengan berkongsi kekayaan dan kenikmatan bersama orang yang amat memerlukan. Kejarnlah pahala dan tuntutlah pelaburan akhirat anda sebagaimana janji Allah SWT yang akan memberikan kebahagian di dunia dan di akhirat, InsyaAllah. AMIN.

Terima Kasih, Wassalam.


Abu Bakar Bin Yang
Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Wakaf Selangor

PRESTASI MEMBERANGSANGKAN KUTIPAN **SAHAM WAKAF SELANGOR** TAHUN **2011** HINGGA **2012**

P erbadanan Wakaf Selangor (PWS), MAIS telah ditubuhkan di bawah Seksyen 8 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 pada 11 Januari 2011. PWS telah memulakan operasi secara sepenuhnya pada bulan Mei 2011. Fungsi PWS adalah memberi nasihat kepada Majlis berkenaan dengan dasar, cara dan langkah yang perlu dilaksanakan dan diambil untuk menggalakkan pembangunan harta dan produk wakaf. PWS telah memulakan operasi membuat kutipan pada bulan Jun 2011.

Kutipan Saham Wakaf Selangor pada tahun 2011 ialah sebanyak RM 993,342.00. Kutipan saham wakaf ini terdiri daripada kutipan ibu pejabat, kutipan daerah, kutipan melalui potongan gaji dan kutipan melalui ejen yang dilantik. Pada tahun 2012, kutipan saham wakaf Selangor ialah sebanyak RM 4,004,452.00. Kutipan ini telah menunjukkan peningkatan sebanyak 300% kenaikan berbanding kutipan tahun sebelumnya. PWS telah mempergiatkan usaha untuk meningkatkan jumlah kutipan dengan memberi kesedaran kepada orang ramai khususnya melalui program penerangan berkenaan kepentingan berwakaf seperti Pelancaran Bulan Wakaf, Bulan Mesra Industri (BUMI) dan Forum Perdana Wakaf.


KUTIPAN SAHAM WAKAF SELANGOR




PWS membuat kutipan saham wakaf melalui beberapa saluran iaitu kutipan melalui ibu pejabat, daerah, potongan gaji, ejen yang dilantik dan melalui kutipan sahabat korporat. Pada tahun 2012, PWS telah mendekati pelbagai institusi dan badan korporat agar dapat menyertai sumbangan wakaf dan keistimewaan diberikan kepada pewakaf dengan mendapat pengecualian cukai ke atas pendapatan aggregat institusi atau badan korporat berkenaan.

Kutipan ibu pejabat menunjukkan penurunan sebanyak 55% pada tahun 2012 berbanding tahun 2011 iaitu RM 493,727.00 kepada RM 220,937.00. Kutipan melalui daerah telah meningkat sebanyak 423% pada tahun 2012 iaitu RM 307,606 kepada RM 1,610,855.00. Peningkatan ini menunjukkan kesedaran berwakaf telah wujud di kalangan umat Islam di setiap daerah melalui program penerangan yang telah dibuat oleh PWS. Kutipan melalui potongan gaji juga meningkat sebanyak 705% berbanding tahun 2011 iaitu daripada RM 106,449.00 kepada RM 856,604.00. PWS telah banyak memberi penerangan wakaf kepada pekerja di sektor swasta dan kerajaan melalui ceramah, tazkirah dan sebagainya. Kutipan melalui ejen yang dilantik juga menunjukkan peningkatan pada tahun 2012 iaitu RM 1,189,656.00 berbanding RM 85,560.00 pada tahun 2011.

KUTIPAN SAHAM WAKAF SELANGOR 2011




KUTIPAN SAHAM WAKAF SELANGOR 2012



Kutipan Saham Wakaf Selangor (Khas) bagi sepanjang tahun 2011 ialah RM1,734,450.80 dan menjadikan kutipan terkumpul bagi tahun tersebut adalah RM 33,395,954.50. Walau bagaimanapun, kutipan wakaf khas bagi tahun 2012 ialah RM 7,648,764.00 dan kutipan terkumpul sehingga tahun 2012 ialah RM 21,227,220.58. Baki terkumpul wakaf khas ini menunjukkan penurunan kerana projek wakaf khas Masjid Tengku Ampuan Jemaah Bukit Jelutong telah selesai sepenuhnya dan bayaran telah dibuat kepada pihak yang terbabit. Walau bagaimanapun, kutipan wakaf khas bagi tahun 2012 menunjukkan peningkatan kerana pertambahan bilangan wakaf khas yang besar seperti Masjid Glenmarie, Shah Alam bernilai RM 4 juta dan Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) berjumlah RM 1.263 juta.

PERBADANAN WAKAF SELANGOR (PWS), MAIS WAKAF KHAS TERKUMPUL



*Gambar sekadar hiasan.

Kembara MIMBAR WAKAF

Wakaf boleh diertikan sebagai harta yang disumbangkan oleh seseorang untuk manfaat orang ramai. Amalan wakaf merupakan amalan sunat yang mampu membentuk keperibadian mereka yang melaksanakannya. Melalui amalan wakaf ini seseorang mampu mendidik dari segi sikap berkelakuan rakus dan kedekut. Masyarakat Islam khususnya masih lagi kurang kefahaman dan kesedaran mengenai kepentingan dan keajaiban dalam menyumbang ke jalan Allah SWT. Penjelasan dan penerangan mengenai potensi dan kehebatan amalan wakaf ini perlu disampaikan kepada semua masyarakat agar ibadah ini dapat diperkasakan untuk membangunkan ekonomi ummah dengan sebaiknya. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir yang menyedari amalan infaq khususnya wakaf ini mempunyai kelebihan dan keajaiban yang tersendiri berdasarkan firman Allah SWT yang termaktub di dalam Surah Saba' Ayat 39:

فَلَمَّا أَنَّ رَبِّيْ يَسْطُطُ الرِّزْقَ لِمَنْ يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ وَيَنْهَا لَهُ وَمَا أَنْفَقُمْ مِنْ شَيْءٍ فَهُوَ يُخْلِدُهُ وَهُوَ خَيْرُ الرَّازِقِينَ ﴿٣٩﴾

"Katakanlah: Sesungguhnya Tuhanmu memewahkan rezeki bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya di antara hamba-hamba-Nya dan menyempitkan baginya; dan apa sahaja yang kamu dermakan maka Allah akan menggantikannya, dan Dialah juga sebaik-baik Pemberi Rezeki"

(Surah Saba':39)

Berdasarkan ayat di atas jelas menunjukkan kesanggupan segelintir umat Islam yang berani menyahut seruan Ilahi untuk sama-sama berinfaq harta yang dimiliki kerana yakin dan percaya kepada janji Allah SWT yang telah dinyatakan di dalam ayat tersebut. Semoga dengan adanya sifat iklhas dalam membelanjakan harta untuk diwakafkan di jalan Allah ini, para pewakaf diberikan keberkatan dalam kehidupan, dikurniakan anak-anak yang menjadi penyeluk mata, dibukakan pintu rezeki seluas-luasnya oleh Yang Maha Esa, kesihatan yang berpanjangan serta mendapat nikmat syurga di akhirat kelak.

Atas kesedaran ini, Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) menjalankan pelbagai usaha untuk sama-sama mengajak semua umat Islam khususnya di negeri Selangor untuk turut sama mewakafkan sebahagian daripada harta yang dimiliki. Antara program yang

dijalankan ialah program Kembara Mimbar Wakaf, di mana pegawai PWS akan menyampaikan taklimat dan tazkirah serta khutbah berkaitan dengan wakaf di sekitar masjid dan surau negeri Selangor.

Program turun padang ini adalah bertujuan untuk memudahkan orang ramai berwakaf lebih-lebih lagi kepada golongan yang tidak berkemampuan untuk hadir ke pejabat boleh berwakaf. Sambutan yang diberikan oleh masyarakat sangat menggalakkan setelah didedahkan dengan kelebihan berwakaf. Sebagaimana firman Allah SWT berkaitan infaq (wakaf) yang dinukilkan di dalam surah Al-Baqarah ayat 261:

مَثْنَى الَّذِينَ يَنْفَعُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَّلَ حَجَّةً أَبْتَثَ سَبْعَ سَنَابِلَ فِي كُلِّ سُبْلَةٍ مُّتَّهِ حَجَّةٌ وَاللَّهُ يُصَاعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلَيْهِمْ ﴿٢٦١﴾

"Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi Maha Mengetahui."

(Surah Al-Baqarah :261)

Oleh itu, marilah kita sama-sama berwakaf melalui wang tunai dan potongan gaji di PWS untuk membangunkan ekonomi ummah. Pelbagai pembinaan aset-aset kekal telah berjaya dijayakan seperti pembinaan Masjid Kelana Petra Kelana Jaya dengan kos RM 8 juta, Sekolah Rendah Agama Pulau Indah Pelabuhan Klang dengan kos RM 2 juta dan pelbagai projek seperti membaik pulih dan membina semula masjid dan surau di negeri Selangor.

Semoga dengan hasil kutipan tersebut, umat Islam boleh menikmati hasil manfaat wakaf tersebut menerusi pembinaan aset-aset kekal yang dijalankan untuk memacu ekonomi umat Islam seterusnya meletakkan syiar Islam berada di tempat tertinggi dalam segala bidang. Diharapkan sifat iklhas yang terbit di dalam lubuk hati para penyumbang wakaf ini dapat diteruskan untuk hari-hari berikutnya dan apa sahaja yang diwakafkan iklhas semata-mata kerana Allah SWT akan memperolehi ganjaran hebat sebagai balasan sifat iklhas yang dimiliki dalam membelanjakan harta disisi Allah SWT.



Majlis Pelancaran BULAN WAKAF BERSAMA WANITA

Pada bulan Mac setiap tahun, mesyarakat seluruh dunia akan menyambut Hari Wanita Sedunia. Sejajar dengan itu, PWS tidak mahu bulan tersebut disia-siakan tanpa sebarang aktiviti yang mampu menjana ‘keuntungan’ dunia dan akhirat. Dengan izin Allah SWT, PWS telah melancarkan Bulan Wanita Bersama Wakaf pada tanggal 9 April 2013.

Bertempat di Dewan Auditorium Kompleks Taman Seni Islam Selangor, majlis yang dirasmikan oleh Pengerusi Perbadanan Wakaf Selangor, Y.A.D. Dato` Setia Ramli Mahmud, mendapat sambutan yang begitu menggalakkan dengan kehadiran dianggarkan seramai 500 orang. Majlis juga diserikan dengan kehadiran Duta Wakaf PWS iaitu Ustaz Don Daniyal Don Biyajid yang menyampaikan ceramah bertajuk “Wanita dan Wakaf”. Pada masa yang sama, beberapa kaunter wakaf turut dibuka dan sebanyak RM 13,000.00 sumbangan wakaf tunai telah diterima. Ini menunjukkan bahawa setiap orang

mampu dan ingin berwakaf setelah mendapat penerangan dan maklumat yang jelas tentang amalan dan konsep wakaf. Rentetan dari itu, program-program penerangan atau tazkirah telah diatur seperti kuliah-kuliah muslimat di masjid atau surau, pertubuhan-pertubuhan wanita kerajaan atau bukan kerajaan (NGO). Ini adalah selaras dengan salah satu fungsi PWS itu sendiri, iaitu menggalak dan mempromosi amalan berwakaf khususnya di negeri Selangor. Tidak dinafikan sumbangan yang diberikan oleh kaum wanita dalam membangunkan ummah amatlah besar.



Pegawai PWS Membantu Peserta Untuk Berwakaf

Menyingkap kembali sejarah isteri Rasulullah SAW, Siti Khadijah R.A segala harta kemewahan digunakan dalam membangunkan Islam. Begitu juga Zainab Binti Jahsy yang terkenal dengan sifat pemurahnya, sehingga mendapat gelaran Ummul Masakin (Ibu Orang-Orang Miskin). Suatu hari para isteri Rasulullah SAW bertanyakan kepada Baginda, siapakah di kalangan mereka yang dimatikan dahulu, seiring dengan kewafatan Baginda? Rasulullah SAW memberitahu dia yang `tangannya panjang`. Lantas itu, selepas mereka mengukur tangan masing-masing. Saudah Binti Zam`ah mempunyai tangan yang paling panjang di kalangan mereka . Tetapi bukan beliau yang paling awal menyusul kewafatan Rasulullah SAW,

bahkan Zainab Binti Jahsy. Barulah di kalangan mereka faham,yang dimaksudkan ‘tangan panjang’itu bukanlah dari ukuran fizikal, tetapi tangan yang banyak menderma dan berinfaq di jalan Allah SWT.

Setiap amalan wakaf yang dilakukan pasti mendapat ganjaran yang besar seperti yang dijanjikan Allah SWT sekiranya dilakukan dengan hati yang ikhlas. Ini kerana lelaki atau wanita yang beramal soleh akan mendapat pahala, kerana dalam beramal, lelaki dan wanita saling membantu antara satu sama lain.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Sesungguhnya Aku tidak mensia-siakan amal setiap orang yang beramal di kalanganmu, samada lelaki ataupun perempuan, (kerana) sesetengah kamu (keturunan) dari setengahnya yang lain”

(Ali `Imran 3:195)

Duta Wakaf PWS Menyampaikan Ceramah Bertajuk “Wanita Dan Wakaf”



WAKAF EMAS: ALTERNATIF BERWAKAF TERBARU


Berbadanan Wakaf Selangor (PWS) telah mencatat satu sejarah dengan melancarkan produk terbaru yang dinamakan Wakaf Emas. Mekanisme baru ini dibentuk untuk memberi alternatif kepada masyarakat untuk berwakaf selain daripada wakaf tunai.

PWS meletakkan wanita sebagai golongan sasaran kerana meyakini wanita mampu menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi ummah. Kajian yang dibuat oleh PWS menunjukkan hampir 80% pewakaf terdiri daripada wanita. Ini menunjukkan golongan wanita mempunyai potensi yang besar dalam mempergiatkan dan meningkatkan sumbangan wakaf di Selangor.

Selain daripada itu, golongan masyarakat yang membuat pelaburan dan simpanan yang berbentuk emas di bank-bank tempatan dan institusi kewangan dan golongan korporat yang menjalankan jenis perniagaan emas turut dipelawa untuk bersama-sama mewakafkan sebahagian keuntungan perniagaan emasnya.

Allah SWT menjanjikan amalan wakaf tidak akan menyusutkan harta yang dimiliki bahkan Allah akan mengantikan dan melipat gandakan harta yang dibelanjakan ke jalan Allah SWT.

PWS mengambil inisiatif untuk melancarkan produk ini berdasarkan penerimaan sumbangan wakaf melalui emas yang sangat memberangsangkan. Sehingga bulan April 2013, PWS telah menerima sumbangan wakaf melalui emas bernilai lebih RM 40,000.00.



"Tidak akan dikurangi harta dengan sebab bersedekah, Allah tidak menambah keampunan seseorang hamba melainkan seseorang itu ditambahkan dengan kemuliaan. Tidaklah seseorang itu merendah diri kerana mengharapkan keredhaan Allah melainkan akan diangkat darjatnya".

(Riwayat Muslim)

Sumbangan wakaf setakat Februari 2013 menunjukkan peningkatan hampir 80% berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Sumbangan wakaf sehingga bulan Mac 2013 ialah sebanyak RM1.129 juta berbanding RM 390,000.00 pada tempoh yang sama tahun 2013. Ini menunjukkan kesedaran yang sangat memberangsangkan oleh masyarakat di Selangor untuk berwakaf. PWS berharap dengan adanya produk baru ini, masyarakat akan berlumba-lumba untuk berwakaf bagi mendambakan ganjaran yang besar daripada Allah SWT.



MATEMATIK WAKAF

Matematik ialah istilah bagi ilmu kira-kira yang amat sinonim dengan angka dan habuan untung rugi. Tetapi tidakkah kita sedar bahawa matematik wakaf ialah satu perkara yang amat jarang diteliti secara mendalam. Apakah sebenarnya matematik wakaf ini?

Pertanyaan ini juga jarang diajukan dalam mana-mana program keusahawanan dan sebagainya. Namun persoalan ini bukan terlalu memikirkan habuan dunia ni tetapi adalah lebih kepada meningkatkan keyakinan mereka kepada janji Allah SWT yang telah disebutkan dalam surah Al-An'aam 160 :

"Sesiapa yang datang dengan satu kebaikan kepada Allah, maka Allah akan membayarnya sepuluh kali ganda"

Dalam ayat yang lain juga Allah SWT telah menambah lagi seperti dalam surah Al-Baqarah ayat 261:

"Bandingan derma orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah adalah seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh batang tangkai, tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan ingatlah Allah akan melipat gandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya Dan Allah Maha luas (rahmat) kurniaan-Nya, lagi meliputi ilmu pengetahuan-Nya".

Begitu juga dalam surah Al-Hadid ayat 11:

"Barangsiaapa meminjamkan kepada Allah dengan pinjaman yang baik, maka Allah akan mengembalikannya berlipat ganda untuknya dan baginya pahala yang mulia"

Ini dapat diperkuatkan lagi dengan hadith Nabi Muhammad SAW yang diriwayatkan oleh At-Tirmizi tidak berkurang harta seseorang yang disedekahkan melainkan ia bertambah dan bertambah . Ini bermakna matematik dunia ialah $10-1=9$ tetapi matematik wakaf ialah $10-1=10\times700=7000$. Bahkan menjadi lebih lagi dengan ayat Al-Baqarah 261, Allah SWT melipat gandakan bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya.

Kisah benar seorang yang telah wakaf sebanyak RM20 telah mendapat kembali wangnya selepas 3 hari dia memperoleh cek berjumlah RM2000, seorang kakitangan kerajaan yang berwakaf RM50 telah juga memperolehi cek berjumlah RM5000 setelah seminggu berwakaf. Cuma bagi kita jangan pula berniat wakaf untuk mendapatkan kembali ganti harta yang diwakafkan itu kerana semuanya atas kehendak Allah SWT.

Beginilah yang berlaku kepada seorang sahabat Nabi Muhammad SAW iaitu Abdul Rahman bin Auf R.A yang sangat banyak berwakaf, maka Allah SWT menggandakan keuntungan perniagaannya sehingga digambarkan oleh para penulis sirah bahawa unta-unta perniagaan Abdul Rahman bin Auf R.A apabila tiba di Bandar Madinah selepas balik dari urusan perniagaannya debu-debu tapak kaki untanya menutup Bandar Madinah.

Untuk Perang Tabuk, Abdul Rahman bin Auf R.A menderma lebih daripada RM25 juta (200 dinar, 500 ekor kuda, dan 1500 ekor unta). Kekayaannya langsung tidak berkurangan bahkan Allah SWT melipatgandakan lagi harta kekayaannya.

Jika ada yang bertanya tentang rahsia kejayaan perniagaannya, Abdul Rahman bin Auf R.A menjawab, "Aku tidak menjual barang-barang yang rosak. Aku merasa cukup dengan untung yang sedikit tetapi diberkati oleh Allah." Oleh itu, matematik wakaf adalah satu bentuk gandaan yang tidak dapat diperhitungkan lagi bahkan ianya adalah janji Allah SWT yang tidak terhitung oleh akal manusia.

PEMBANGUNAN TANAH WAKAF

Pembangunan, pengembangan dan pelaburan harta wakaf boleh dimajukan dengan pelbagai instrumen asalkan matlamat dan tujuan wakaf dapat dipenuhi sebagaimana asalnya. Hukum syarak telah menetapkan bahawa harta yang diwakafkan hendaklah diurus dan ditadbir oleh pihak yang bertanggungjawab bagi mengawal selia dan menjaga kemaslahatan harta wakaf agar ia dapat disalurkan kepada pihak yang benar-benar berhak menerimanya. Sejajar dengan usaha melestarikan harta tanah wakaf dalam meningkatkan kemampuan ekonomi umat Islam di Negeri Selangor ini maka Unit Perancangan Tanah, PWS telah mewujudkan satu pelan pembangunan Tanah Wakaf yang mengandungi senarai Inventori Tanah Wakaf dengan pengklasifikasi gred tanah yang terperinci bagi pelaksanaan Sistem GIS pada masa hadapan. Di mana gred tanah ini dikategorikan kepada :-

- | | |
|--|--|
| 1. Gred A - Cadangan Projek Pembangunan | 5. Gred E - Sewaan Pertanian |
| 2. Gred B - Sewaan Komersil | 6. Gred F - Sewaan Lain-Lain Kemudahan |
| 3. Gred C - Sewaan Kediaman | 7. Gred G - Istibdal |
| 4. Gred D - Sewaan Industri | 8. Gred H - Tidak Boleh Dibangunkan / Disewakan |

Tanah wakaf yang diurus dibawah PWS adalah berjumlah 200 lot di mana keseluruhan tanah wakaf di Negeri Selangor berjumlah 710 lot. Sebanyak 203 lot tanah wakaf yang telah dikenalpasti tidak boleh dibangunkan atau disewakan kerana ia merupakan tanah wakaf untuk tapak masjid/surau, tambahan tapak masjid, tapak sekolah dan tapak kubur. Oleh yang demikian, pihak PWS masih mempunyai 280 lot tanah wakaf yang harus diinventori sehingga hujung Disember 2013.

Statistik Keseluruhan Tanah Wakaf Tahun 2013

PROSES/DAERAH		KLANG	PETALING	KUALA LANGAT	SEPANG	HULU LANGAT	GOMBAK	KUALA SELANGOR	SABAK BERNAM	HULU SELANGOR	JUMLAH
TELAH DAFTAR	JUM (LOT)	134	16	108	38	62	53	100	177	22	710
	JUM (EKAR)	137	7.04932	128.9	41.4	108.601	25.31	133.8508	251.3545	37.5601	870.588619
DALAM PROSES DAFTAR	JUM (LOT)	52	14	38	13	21	16	39	75	8	276
	JUM (EKAR)	42	1.9143	25.02	33.27	16.3727	3.462	38.5497	73.7589	9.5939	243.81744
JUMLAH	JUM (LOT)	186	30	146	51	83	69	139	252	30	986
	JUM (EKAR)	178	8.96362	153.9	74.67	124.974	28.77	172.4005	325.1134	47.154	1114.406059

Statistik Keseluruhan Tanah Wakaf Mengikut Manfaat Tahun 2013

MANFAAT/DAERAH		KLANG	PETALING	KUALA LANGAT	SEPANG	HULU LANGAT	GOMBAK	KUALA SELANGOR	SABAK BERNAM	HULU SELANGOR
MAIS / AM	LOT	16	6	7	5	9	17	5	9	13
	EKAR	13,8127	2,5393	6,3183	3,6388	9,7409	4,068	2,5584	10,9711	22,8257
TAPAK MASJID & TAMBAHAN KWSN MASJID	LOT	17	3	14	4	2	4	12	5	0
	EKAR	15,8788	3,4616	11,6357	11,614	2,5852	17,3954	8,9226	9,5661	0
MANFAAT MASJID	LOT	66	12	79	29	40	11	78	148	8
	EKAR	90,31875	1,52712	102,1844	52,5868	97,35715	4,7371	131,4311	225,1356	15,411
TAPAK SURAU	LOT	41	3	23	4	7	14	24	42	3
	EKAR	11,2772	0,601	8,5271	0,7407	2,4279	3,4265	12,7208	15,5963	0,2912
MANFAAT SURAU	LOT	9	4	4	4	12	4	4	17	0
	EKAR	3,5852	0,5402	1,2755	5,85	3,2666	0,4414	1,97	25,659	0
TANAH KUBUR	LOT	1	2	4	2	0	1	0	3	1
	EKAR	1,25	1,0685	2,407	0,6685	0	2,8	0	3,581	1,7187
TAPAK SEKOLAH	LOT	18	1	8	3	3	2	11	19	1
	EKAR	18,02189	0,25	7,6668	1,3149	1,43	0,475	11,4256	21,0779	2,04
MANFAAT SEKOLAH	LOT	16	2	5	0	4	6	7	6	1
	EKAR	24,947	0,333	9,5142	0	9,7834	0,8867	7,883	8,208	0,5
KEBAJIKAN /ANAK YATIM	LOT	4	1	5	3	8	13	2	3	5
	EKAR	2,1253	0,3	5,7789	1,5034	4,6325	10,6092	1,051	5,3179	4,6063
JUMLAH	LOT	188	34	149	54	85	72	143	252	32
	EKAR	181,217	10,62072	155,3079	77,9171	131,224	44,8393	177,9625	325,1129	47,3929

Senarai Inventori Tanah Wakaf Negeri Selangor sehingga Januari 2013

Keseluruhan Tanah Wakaf Yang Dibawah Pengurusan PWS	200 Lot
Keseluruhan Tanah Yang Telah Diinventori	180 Lot
Keseluruhan Tanah Dalam Proses Inventori	20 Lot
Gred A - Cadangan Projek Pembangunan	10 Lot
Gred B - Sewaan Komersil	11 Lot
Gred C - Sewaan Kediaman	22 Lot
Gred D - Sewaan Industri	2 Lot
Gred E - Sewaan Pertanian	97 Lot
Gred F - Sewaan Lain-Lain Kemudahan	9 Lot
Gred G - Istibdal	3 Lot
Gred H - Tidak Boleh Dibangunkan / Disewakan	26 Lot

Gred tanah ini membantu Unit Perancangan Tanah dalam merancang suatu pelan tindakan bagi setiap tanah wakaf yang berpotensi dengan mengiklankan tanah-tanah wakaf yang telah dikenalpasti sesuai untuk disewakan di dalam Laman Sesawang PWS. Kaedah penyewaan harta wakaf merupakan antara mekanisme pengembangan harta wakaf yang telah dipraktikkan oleh Negeri Selangor bagi memberi faedah kepada pihak yang menerima manfaat. Meskipun harta wakaf tersebut disewakan, namun kualitinya adalah dijamin selama mana urusan berkenaan dilaksanakan. Prinsip dan peraturan atas pewakafan yang bertujuan memberikan kemanfaatan kepada penerima manfaat sentiasa dititikberatkan, di samping urusan penyewaan yang berteraskan perundungan Islam juga dilaksanakan.

Merujuk kepada kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor berhubung Konsep Pelaksanaan Jual Pajakan 99 Tahun, Bahagian Penyelidikan Dan Pelaburan mendapati ianya memberi lebih ruang kepada setiap tanah wakaf yang berpotensi untuk dimanfaatkan semaksima mungkin bagi mempertingkatkan ekonomi Ummah. Konsep asas pembangunan tanah wakaf yang ingin diteroka oleh pihak PWS ialah pengabdian diri kepada Allah SWT demi mencari keredhaanNya, melalui pemakmuran tanah wakaf menerusi transformasi fizikal dan spiritual.

Tafsiran bagi definisi wakaf hendaklah dibuat secara umum tanpa membabitkan pernyataan ‘kekal’ atau ‘bertempoh’. Ini adalah kerana perkara ini dapat memberi galakan kepada masyarakat untuk berwakaf meskipun mereka mempunyai harta yang tidak berbentuk kekal. Pegangan harta tanah dalam konteks semasa bukan semuanya di bawah pegangan bebas (*freehold*) tetapi ada juga daripada pegangan pajakan (*leasehold*).

Kanun Tanah Negara (KTN) telah memberi pengecualian dalam urusan wakaf dan Baitulmal di bawah Seksyen 4(2) di mana ‘Kekecualian setakat mana yang diperuntukkan dengan nyata sebaliknya, tiada apa jua juga dalam Akta ini boleh menyentuh peruntukan (e) mana-mana undang-undang yang pada masa itu berkuatkuasa tentang wakaf atau baitulmal’. Seksyen 76 (aa) KTN memperuntukkan bahawa Kerajaan Negeri boleh memberi pemilikan tanah secara kekal jika Pihak Berkuasa Negeri berpuas hati ia digunakan untuk kepentingan awam’. Manakala Seksyen 76 (aa) (iii) pula memperuntukkan jika Pihak Berkuasa Negeri berpuashati bahawa terdapat keadaan-keadaan khas yang sesuai, maka Kerajaan Negeri boleh memberi pemilikan tanah secara kekal.

Berdasarkan peruntukan KTN, isu mewakafkan tanah *leasehold* atau apa-apa bangunan, binaan, rumah yang ada di atasnya adalah jelas dan tidak timbul kerana pengecualian yang diberikan kepada harta wakaf dan baitulmal.

Mana-mana tanah *leasehold* yang diwakafkan mengikut prosedur yang ditetapkan dan baitulmal menerima harta wakaf tersebut yang diserahkan kepadanya dalam bentuk *leasehold* akan bertukar status di tangan baitulmal kepada milik kekal sebagaimana pengecualian yang jelas di bawah Seksyen 4 (2)(e). Sehubungan dengan itu, tiada halangan kepada komuniti Islam untuk mewakafkan harta mereka walaupun dalam bentuk wakaf bertempoh atau *leasehold*.

Konsep Pelaksanaan Jual Pajakan 99 Tahun ini merupakan satu instrumen baru bagi mengelakkan isu pembangunan tanah wakaf yang terbiar khususnya wakaf khas di mana umum mengetahui bahawa faktor tanah wakaf tidak dimanfaatkan sewajarnya ini adalah disebabkan oleh kekangan dari sudut kewangan, konflik perundangan, kedudukan tanah wakaf di zon tidak ekonomik, keluasan tanah yang terhad, ketidaksesuaian struktur fizikal tanah dengan tujuan wakaf (seperti tanah berpaya) serta persekitaran komuniti yang tidak kondusif (misalnya tanah wakaf masjid di kawasan komuniti bukan beragama Islam) dan sebagainya.

Di Selangor, tanggungjawab untuk memajukan tanah wakaf dipelopori oleh PWS sebagai *mutawalli* atau pentadbir harta-harta wakaf. Oleh yang demikian, penubuhan PWS ini memainkan peranan penting untuk mengurus harta wakaf melalui pendekatan moden. Selain menyewakan tanah wakaf, antara mekanisme lain yang telah diaplifikasi oleh PWS adalah Saham Wakaf Selangor, pengsekuritan aset wakaf dan perancangan cadangan projek-projek yang berkualiti untuk meningkatkan sosioekonomi Ummah dan lain-lain. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan pelan tindakan pembangunan harta wakaf telah dilaksanakan dengan lebih telus dan berhati-hati bagi menjamin pengekalan harta wakaf di samping menyalurkan bantuan wakaf kepada golongan yang sepatutnya sebagaimana yang disyaratkan oleh *waqif*.



PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN PROJEK WAKAF KHAS

Projek Wakaf Yang Telah Selesai

Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) telah diamanahkan untuk memantau dan mengawal selia lebih 22 projek wakaf khas yang berjumlah melebihi RM 60 juta yang mana di antaranya telah bermula sebelum PWS diwujudkan. Antaranya projek yang telah dapat dilaksanakan dan diselesaikan oleh PWS adalah seperti pembinaan Sekolah Rendah Agama Pulau Indah, Klang, Surau Al-Ikhwan Bandar Baru Bangi dan terkini Masjid Tengku Ampuan Jemaah Bukit Jelutong, Shah Alam yang berjumlah RM 25 juta.



Masjid Tengku Ampuan Jemaah, Bukit Jelutong Telah Siap Sepenuhnya



Pembinaan Sekolah Rendah Agama Pulau Indah Telah Siap Sepenuhnya

Pada ketika ini, pihak PWS sedang memantau sebuah projek pembinaan Madrasah Tahfiz Miftahul Ulum, Hulu Langat yang berjumlah RM 25 juta dan projek tersebut telah 70% siap dibina. Projek ini telah diwakafkan oleh seorang hartawan yang mana tapak pembinaan madrasah tersebut juga diwakafkan dengan keluasan 9 ekar.

Projek Pembinaan Madrasah Tahfiz Miftahul Ulum



Blok Asrama Pelajar



Masjid Madrasah



Kuarters Pengajar



Blok Akademik

Projek Yang Akan Dilaksanakan

Pihak PWS ketika ini sedang melaksanakan beberapa projek pembinaan masjid hasil sumbangan wakaf daripada Kumpulan Wang Wakaf dan sumbangan (wakaf) dari syarikat korporat. Antara masjid yang akan dibina dengan menggunakan dana Kumpulan Wang Wakaf adalah pembinaan sebuah masjid di Kampung Melayu Rasa, Hulu Selangor yang bernilai RM6 Juta.

Manakala sebuah masjid yang sedang dalam peringkat kerja-kerja awalan iaitu pembinaan sebuah Masjid Glenmarie, Shah Alam. Bagi pembinaan masjid ini kos projek RM8 juta telah disumbangkan (wakaf) oleh syarikat DRB-Hicom sebanyak RM 4 juta, I&P Group sebanyak RM 3 juta dan penduduk dijangka akan menyumbang sebanyak RM 1 juta. Selain itu, PWS juga sedang memantau dan mengawal beberapa projek-projek wakaf khas yang telah membuka Akaun Wakaf Khas di PWS.



Lakaran Ilustrasi Masjid Glenmarie, Shah Alam

Projek Wakaf Khas Yang Akan Dilaksanakan

D i Bahagian Penyelidikan Dan Pelaburan PWS, kami menjangkakan akan terdapat lebih banyak projek-projek wakaf khas yang akan diuruskan oleh PWS dan di samping itu juga memantau projek-projek yang dilaksanakan melalui Prosedur Saham Wakaf Selangor. MAIS juga telah memutuskan supaya "Mana-mana individu, syarikat atau pertubuhan NGO yang ingin membina masjid, surau, sekolah agama, madrasah atau institusi hendaklah menggunakan Prosedur Saham Wakaf Selangor". Selain itu juga, pihak JAIS telah mengeluarkan garis panduan bagi pembinaan masjid, surau dan sekolah yang bukan daripada peruntukan Kerajaan Negeri hendaklah mewujudkan Akaun Wakaf Khas di PWS.

Di dalam perancangan pembangunan bagi projek wakaf khas, PWS sedang membuat kajian awal untuk membuat sebuah masjid di Jalan Bangi Lama dan kini sedang dalam peringkat mendapatkan maklumat untuk permohonan tanah bagi pembinaan masjid tersebut sebagai Wakaf Irsod. Bagi pembangunan projek dengan menggunakan Prosedur Saham Wakaf Selangor pihak PWS sedang memproses lebih kurang 30 permohonan baru bagi pembinaan masjid, surau dan sekolah yang kesemuanya akan dipantau oleh pihak PWS dengan nilai anggaran keseluruhan ialah RM 30 juta.



Soal Jawab Ibadah Wakaf

Soalan 1 :

Apakah yang dimaksudkan dengan sedekah jariah?

Jawapan:

Maksud sedekah Jariah – Dari segi makna ulama mengatakan “sedekah yang pahalanya berterusan selepas mati”. Ini bersumberkan daripada sebuah hadis Nabi SAW iaitu;

وعن أبي هريرة رضي الله عنه أنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : « إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ : صَلَوةً جَارِيَةً ، أَوْ عِلْمًا يُتَسْعَى بِهِ ، أَوْ وَلَدًا صَالِحًا يَدْعُو لَهِ » رواه مسلم

“Apabila seseorang manusia mati segala amalannya akan terputus kecuali tiga sumber: Sedekah jariah atau ilmu pengetahuan yang boleh dimanfaatkan atau anak soleh yang sering mendoakannya”.

Sedekah jariah di sini menurut ulama' ditakrifkan sebagai wakaf. Manakala wakaf diertikan sebagai satu amalan menyerahkan harta yang dimiliki untuk kegunaan dan manfaat orang ramai demi mendekatkan diri kepada Allah SWT. Seperti mewakafkan tanah untuk pembinaan masjid, surau, sekolah dan sebagainya. Selagimana harta yang diwakafkan itu wujud dan dimanfaatkan, maka orang yang mewakafkan itu mendapat pahala walaupun telah meninggal dunia.

Soalan 2 :

Adakah sampai pahala wakaf kepada orang yang telah meninggal dunia?

Jawapan:

Insya-Allah sampai pahalanya dan diterima oleh Allah SWT. Ini kerana, amal soleh atau wakaf yang dilakukan oleh orang yang masih hidup boleh dihadiahkan pahalanya kepada orang yang sudah meninggal dunia. Terdapat beberapa hadis yang meriwayatkan hal tersebut, diantaranya adalah hadis di bawah ini :

وعن عائشة رضي الله عنها أنَّ رَجُلًا قال للنبي صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ أُمِّي اثْنَتَنِ تَفْسِيْهَا وَأَرَاهَا لَوْ تَكَلَّمَتْ ، اثْنَتَنْ ، فَقَلَّ هُنَّا مِنْ أَجْرٍ إِنْ تَصَدَّقُتْ عَنْهُنَّا ؟ قال : « نَعَمْ ». متفق عليه

Diriwayatkan dari Saidatina Aishah r.a. menceritakan: "Seorang lelaki bertanya kepada Rasulullah s.a.w.; 'Sesungguhnya ibuku telah mati. Aku mendapatinya jika sekiranya ia berpeluang bercakap (ketika hampir matinya) nescaya ia akan bersedekah (yakni menyuruh agar dikeluarkan sedekah dari hartanya). Maka apakah baginya pahala jika aku bersedekah bagi pihaknya?'. Jawab Baginda SAW: Ya " Maka, hadis di atas menjadi dalil bahawa sedekah orang hidup memberi manfaat untuk orang yang telah meninggal dunia.

AKTIVITI PEMASARAN DAERAH



Dalam usaha PWS untuk menyuburkan wakaf di negeri Selangor, pelbagai usaha telah dilakukan bagi memberi kesedaran masyarakat mengenai amalan wakaf. Umumnya masyarakat Muslim di Malaysia ini hanya mengetahui wakaf hanyalah terbatas kepada penyerahan hak milik tanah bagi pembinaan masjid, surau, sekolah agama, rumah, kedai atau sekadar amalan mewakafkan tanah untuk perkuburan. Malah amalan dan perlaksanaan wakaf lebih hebat dan luas bahkan sejarah Islam telah membuktikan pelbagai bentuk wakaf telah dilaksanakan seperti hospital, klinik, jalan raya, jambatan, tandas, kebun, pasar perniagaan dan sebagainya.

Justeru itu, Bahagian Pemasaran & Dakwah (Unit Daerah) telah menjalankan pelbagai aktiviti di daerah-daerah di Negeri Selangor bagi menyampaikan dakwah tentang peranan dan kepentingan wakaf dalam pelbagai sesi penerangan, antaranya:-

- Tazkirah Wakaf:** Diadakan selepas solat maghrib di Surau dan Masjid di Selangor.
- Penerangan dan Taklimat di Institusi-Institusi; Penerangan di institusi-institusi kerajaan, badan berkanun, swasta, sekolah-sekolah dan agensi-agensi yang berminat, dengan fokus wakaf melalui potongan gaji.**
- Mimbar Wakaf:** Memberi Khutbah dan Tazkirah Jumaat.
- Tazkirah Muslimat:** khusus kepada golongan Muslimat.
- Memberi Tazkirah Wakaf di Kursus Kahwin Anjuran JAIS.**
- Forum Perdana Wakaf:** di daerah-daerah yang terpilih.


- Ceramah Perdana : mengundang penceramah-penceramah jemputan.
- Pembukaan kaunter penyertaan Saham Wakaf Selangor di setiap aktiviti yang di jalankan oleh Bahagian termasuk di karnival Masjid, majlis-majlis ilmu dan program yang bersesuaian.**

Sebarang pertanyaan dan jemputan bagi menyampaikan penerangan boleh menghubungi pegawai daerah kami di talian berikut :-

Ibu Pejabat Dan Daerah			
1.	Ibnu Hubain Bin Abdul Aziz	Eksekutif Pemasaran	012-6346330
2.	Norizam Bin Buang	Pem. Eksekutif Pemasaran	012-2004237
Gombak & Hulu Selangor			
3.	Muhammad Zulhakimi Bin Mohammad Daner	Pen. Eksekutif Pemasaran	013-2002784
4.	Zaki Efendy Bin Rusli (Gombak)	Pem. Eksekutif Pemasaran	014-7355201
5.	Mohd Wahyuddin Bin Mokhtar (Hulu Selangor)	Pem. Eksekutif Pemasaran	019-3717012
Hulu Langat & Sepang			
6.	Mohd Faiz Reza Bin Mohd Zakri	Pen. Eksekutif Pemasaran	012-9129590
7.	Mohammad Iskandar Bin IBinrahim Astar (Hulu Langat)	Pem. Eksekutif Pemasaran	019-6485839
8.	Shahruddin Bin Mohamed Zulkaffly (Sepang)	Pem. Eksekutif Pemasaran	014-8392978
Klang & Kuala Langat			
9.	Muhammad Suffian Assauri Bin Omar	Pen. Eksekutif Pemasaran	013-3234207
10.	Khairul Azmi Bin Ramli (Klang)	Pem. Eksekutif Pemasaran	012-9714631
11.	Mohd Sapie Bin Tumiran (Kuala Langat)	Pem. Eksekutif Pemasaran	012-9733674
Sabak Bernam & Kuala Selangor			
12.	Mohd Khairi Ambri Bin Roslan	Pen. Eksekutif Pemasaran	017-3445539
13.	Mohammad Zul Fahmi Bin Basar (Sabak Bernam)	Pem. Eksekutif Pemasaran	013-2940338
14.	Mohd Fauzi Bin Ismail (Kuala Selangor)	Pem. Eksekutif Pemasaran	012-5616986

CARA MENYERTAI SAHAM WAKAF SELANGOR

Kemudahan-kemudahan yang disediakan untuk menyertai Saham Wakaf Selangor :

- Perbadanan Wakaf Selangor (PWS), MAIS
Tingkat 10, Menara Selatan,
Bangunan Sultan Idris Shah,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
- Kaunter Perbadanan Wakaf Selangor (PWS), MAIS
Tingkat Bawah, Menara Selatan,
Bangunan Sultan Idris Shah,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
-  24 Kaunter Lembaga Zakat Selangor, MAIS di seluruh Selangor
- Skim Infaq (Potongan Gaji)
Kakitangan Kerajaan Negeri, Persekutuan, Badan Berkanun, Anak-anak Syarikat dan Swasta
- Ejen Penerangan Dan Terimaan Sumbangan (Ejen Penerangan Individu atau Korporat)
(lajari www.wakafselangor.gov.my untuk senarai ejen)
- Portal e-MAIS
www.wakafselangor.gov.my
- **BANK ISLAM**
No. Akaun
12-038-01-010810-6
-  No. Akaun
10100-41-00021290-7
-  **RHB IslamicBank**
No. Akaun
2125-2360-0009-15
-  **Maybank Islamic**
No. Akaun
5621-0662-4154
- Auto Debit
Hubungi Ustaz Nasrun Ahmad (03-5514 3758)
atau email ke nasrun@wakafselangor.gov.my
untuk maklumat lanjut.
-  **CIMB ISLAMIC**
No. Akaun
1261-0001-4871-09
- Penyertaan melalui cek / money order / postal order hendaklah di atas nama
'PERBADANAN WAKAF SELANGOR'

PREMIS UNTUK DISEWA 2013

Bil.	Alamat	Jenis	Kadar Sewa Sebulan	Keluasan
1.	B1-22-GF Space U8 Bukit Jelutong Seksyen U8 40150 Shah Alam	Lot Kedai / Pejabat	RM 10,000.00	2250 Kaki Persegi

TANAH UNTUK DISEWA 2013

Bil.	No. HM	No. Lot	Mukim / Tempat	Luas Tanah Wakaf	Kegunaan Tanah
Daerah Hulu Langat					
1.	EMR 2752	Lot 1191	Semenyih (Sg. Lalang, Hulu Semenyih)	1.9062 E	Tiada
2.	GM 60	Lot 463	Beranang (Jalan Hj. Md Nor)	4.593 E	Pertanian
3.	GM 42	Lot 1463	Semenyih (Sg. Pening-Pening)	3.969 E	Tiada
Daerah Sepang					
4.	GM 1810	Lot 3000	Dengkil	4.312 E	Tiada
5.	GM 1630	Lot 2950	Dengkil	3.999 E	Tiada
Daerah Kuala Selangor					
6.	GM 1351	Lot 1300	Jeram	0.4251 E	Pertanian
Daerah Hulu Selangor					
7.	HS(D) 2504	Lot PT 129	Bandar Serendah	1.5 E	Pertanian
8.	GM 4501	Lot 2280	Hulu Serendah	3.4051 E	Tiada
Daerah Gombak					
9.	PM 193	Lot 5049	Setapak (Sg. Pusu)	2.026 E	Pertanian

Untuk maklumat lanjut berkenaan sewaan, boleh menghubungi **Encik Mohd Huzairi Bin Hamdan** di talian 03-55143758/59 atau emel huzairi@wakafselangor.gov.my



**B1-22-Gf Space U8,
Bukit Jelutong Seksyen U8,
40150 Shah Alam**

Galeri PWS



1 2 Pengarah Urusan Perodua, Datuk Aminar Rashid Salleh menyerahkan sumbangan wakaf kenderaan Perodua Myvi kepada Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Wakaf Selangor sebagai salah satu daripada Corporate Social Responsibility (CSR) Perodua.



3 PWS telah mengadakan Majlis Mesra Korporat pada 13 Disember 2012 bertempat di Shah Alam Convention Centre bertujuan untuk memberikan kefahaman secara menyeluruh tentang ibadah wakaf kepada warga industri, korporat, syarikat-syarikat swasta, anak-anak syarikat kerajaan negeri dan persekutuan.

4 Pada majlis yang sama, Ahli Lembaga Pengarah Kumpulan MAIS Corporation, Dato' Hj. Sarip Bin Hamid menyerahkan sumbangan wakaf syarikat berjumlah RM100,000 kepada Pengurus PWS, Dato' Setia Ramli Bin Mahmud.

5 Timbalan Pengurus PWS Dato' Hj. Ibrahim Md Yusof (kiri) mengiringi Pengurus PWS Dato' Setia Ramli Mahmud ke Majlis Perasmian Bulan Wanita Bersama Wakaf dan Pelancaran Wakaf Emas.



6 Orang ramai sedang berwakaf di kaunter-kaunter wakaf.

7 Orang ramai memenuhi Auditorium Yayasan Restu untuk bersama-sama memeriahkan Majlis Perasmian Bulan Wanita Bersama Wakaf dan Pelancaran Wakaf Emas.



Galeri PWS



8 Eksekutif Pentadbiran PWS, Encik Mohd Nasoha Jaiman menyampaikan cenderamata kepada Encik Muhammad Sufi dari Jabatan Arkib Negara usai Kursus Pengurusan Fail dan Rekod pada 12 Mac 2013.

9 Hari terakhir Encik Awaludin Bin Zakaria berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PWS dan akan berkhidmat semula bersama Majlis Daerah Sabak Bernam. Beliau telah berkhidmat di PWS bermula Mac 2011 hingga Mac 2013.

10 DYMM Sultan Selangor berkenan merasmikan Masjid Tengku Ampuan Jemaah, Bukit Jelutong, Shah Alam pada 16 Mac 2013. Pembinaan masjid ini dibiayai dengan menggunakan dana wakaf berjumlah RM25 juta.



11 Y.Bhg. Tan Sri Datuk Seri Panglima Dr. Abd Rahman Arshad, Pengurus Wakaf Selangor Muamalat (bersongkok) telah menyampaikan sumbangan wakaf peralatan-peralatan hospital kepada Pengarah Hospital Sungai Buloh, Dr Khalid Ibrahim.

12 Manakala pada majlis yang berlainan, beliau menyerahkan sumbangan barang peralatan atas kepada Al-Fadhil Ustaz Haji Jemari bin Ngaris, Pengetua Maahad Tahfiz Al-Quran Wa-Ulumuddin untuk kegunaan di Maahad Tahfiz Al-Quran Wa-Ulumuddin, Sungai Besar.



13 Pegawai-pegawai PWS menghadiri Bengkel Sasaran Kerja Tahunan 2013 dan Bengkel Skim Perkhidmatan PWS pada 11-13 Januari 2013 bertempat di Hotel Wakaf Pantai Puteri, Melaka.



14 Ketua Pegawai Eksekutif PWS menyampaikan cenderamata kepada Pengurus Besar Operasi Encik Mohammed Hassan dari Pusat Pungutan Zakat – MAIWP sempena kunjungan hormat ke PWS pada 29 Mei 2013.

TERIMA KASIH



**Sumbangan Wakaf Anda
Pemangkin Pembangunan
Ummah**

*"Ya Allah, tambah dan luaskanlah
rezeki orang yang mewakafkan hartanya,
terimalah wakaf mereka dengan
ganjaran pahala yang berkekalan
hingga ke hari akhirat."
Amin.*

Ustaz Don Daniyal Don Biyajid
Duta Wakaf,
Perbadanan Wakaf Selangor

Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS,
Tingkat 10, Menara Selatan,
Bangunan Sultan Idris Shah,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

Tel : 03-5514 3758 / 3759
Faks : 03-5514 3759
Email : wakaf@wakafselangor.gov.my
Web : www.wakafselangor.gov.my
FB : facebook.com/PWSmais